



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH LA SALLE

PETI SURAT NO. 10282,
88803 KOTA KINABALU,
SABAH, MALAYSIA

Tel : 088-224326 (Kampus Senior)
088-223002 (Kampus Junior)
Faks : 088-268687
Email : lasalleprincipal2@gmail.com
xfe4022@moe.edu.my

Ruj : SMLS/XFE4022/700/15 Jld2 ()
Tarikh : 15 Disember 2020

Ibu bapa / Penjaga
Semua Pelajar Tingkatan 1 Tahun 2021
SM La Salle

Datuk / Datin / Tuan / Puan

PENDAFTARAN TINGKATAN SATU SESI PERSEKOLAHAN 2021

Perkara di atas dirujuk.

02. Dengan sukacita dimaklumkan bahawa proses pengesahan/pendaftaran kemasukan pelajar tingkatan 1 sesi persekolahan 2021 Sekolah Menengah La Salle akan dilaksanakan dalam dua mod, iaitu secara **atas talian** atau **bersemuka**. Para ibu bapa / penjaga boleh memilih **salah satu mod** seperti dalam butiran berikut :

Mod 1 : BERSEMUKA

Masa : 9.00 pagi – 2.00 petang
Tarikh : 28 - 30 Disember 2020 (Isnin - Rabu)
Tempat : Pejabat Am, Kampus Senior, SM La Salle, Tanjung Aru

Mod 2 : ATAS TALIAN

Tarikh : sebelum jam 2 petang, 30 Disember 2020
Kaedah : Isi borang *google form* mengikut arahan yang ada pada pautan
<https://forms.gle/vzbfBS2cwXz1y8YR7> atau imbas QR code di sebelah kanan ini :



03. Murid yang telah ditempatkan di SM La Salle tetapi ingin membuat **rayuan penempatan untuk pindah ke sekolah menengah yang lain** juga boleh berurusan dengan PK HEM SM La Salle di pejabat am sekolah pada jam 9.00 pagi – 2.00 petang, 28 – 30 Disember 2020.

Perhatian dan kerjasama Datuk / Datin / Tuan / Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

MARY MACDALENA A. KOMUJI
Pengetua Cemerlang

**PERINCIAN KUTIPAN KEPERLUAN & SUMBANGAN PELAJAR
TINGKATAN SATU TAHUN PERSEKOLAHAN 2021
SEKOLAH MENENGAH LA SALLE**

DOKUMEN YANG PERLU DISERAH KEPADA PIHAK SEKOLAH

1. Slip penempatan ke sekolah menengah (diperoleh dari sekolah rendah asal)
2. Salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran murid yang telah disah benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara
3. Salinan kad pengenalan ibu bapa murid yang telah disah benar oleh Jabatan Pendaftaran Negara sebagai bukti kewarganegaraan
4. Salinan keputusan peperiksaan terkini (peperiksaan pertengahan tahun / akhir tahun 2020) di sekolah rendah bagi tujuan penempatan kelas

KUTIPAN UNTUK BARANGAN KEPERLUAN PERSEKOLAHAN DAN SUMBANGAN

Barangan Keperluan Sekolah (bekalan baju sukan, buku latihan dan alatulis oleh Koperasi SM La Salle)

	RM220.00
Cagaran Disiplin	RM 30.00
Sumbangan kepada Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG) SM La Salle*	RM 30.00
Sumbangan <i>School Building Fund</i> (Lembaga Pengurusan Sekolah)	RM 60.00

JUMLAH BESAR = RM 340.00

Kutipan boleh dibayar

- (i) secara tunai di Pejabat Am sekolah atau
- (ii) melalui pemindahan tunai (*bank transfer*) kepada akaun bank Koperasi SM La Salle **CIMB 80-0553821-7**.
Jika dibuat bayaran secara elektronik, sila cetak dan serahkan bukti pembayaran (slip ATM / transaksi bank) bersama dokumen pendaftaran yang lain pada hari pertama persekolahan melalui murid kepada guru kelas. **SILA CATATKAN NAMA MURID DAN SEKOLAH RENDAH ASAL PADA SLIP BANK TERSEBUT** sebelum diserahkan kepada pihak sekolah.

Resit rasmi akan dikeluarkan oleh Pejabat Sekolah dan diedarkan kepada murid pada minggu kedua persekolahan.

Barangan keperluan dari Koperasi SM La Salle juga akan diedarkan pada minggu kedua persekolahan setelah bayaran melalui pemindahan elektronik disahkan.

* Nota : Sumbangan kepada PIBG hanya perlu dibayar sekali bagi satu keluarga. Jika tuan / puan mempunyai lebih daripada seorang anak yang bersekolah di SM La Salle, tuan / puan bolehlah memberi sumbangan kepada PIBG di bawah nama anak TINGKATAN 1 ini SAHAJA.

** Jika terdapat kemusykilan / pertanyaan tentang proses pendaftaran atau kutipan barangan keperluan, sila rujuk Pejabat Am SM La Salle di talian 088-224326.

MAKLUMAT PERSEKOLAHAN YANG LAIN

1. SM La Salle hanya mempunyai satu sesi persekolah iaitu sesi pagi sahaja. Masa persekolahan bermula pada jam 7.00 pagi setiap hari. Waktu pulang adalah antara jam 12.00 – 1.30 petang, bergantung kepada jadual waktu pembelajaran kelas masing-masing.
2. Pakaian seragam sekolah murid SM La Salle adalah selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Malaysia. Semua murid dikehendaki memakai baju putih berlengan pendek, seluar panjang berwarna hijau tua dan bertali leher yang berlogo sekolah. Lencana sekolah perlu dijahit pada poket baju dan tag nama dijahit di atas poket baju.
3. Semua murid SM La Salle perlu berkasut hitam dan berstoking hitam.
4. Peraturan dan maklumat persekolahan lain yang lebih terperinci boleh dirujuk kepada buku *Lasallian Handbook 2021* yang akan diedarkan kepada semua murid di sekolah nanti.